

CNS2574

U GB 29-04 00195 BH237

bah

Mahathir - MTUC

PM KATA MTUC PERLU JUGA DENGAR PENDAPAT KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau bersedia mendengar penjelasan para pemimpin MTUC berhubung laporan yang dihantar oleh kongres itu kepada Persekutuan Kesatuan-kesatuan Sekerja Bebas Antarabangsa (ICFTU) yang membidas kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, pertemuan itu haruslah berjalan secara dua hala dengan para pemimpin MTUC turut mendengar penjelasan kerajaan dan "bukan sekadar mereka sahaja yang memberi penjelasan".

"Kalau dia hendak bagi penjelasan kepada saya dan dia hendak saya dengar, saya juga hendak supaya dia dengar apa saya hendak katakan," katanya ketika ditanya pemberita selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Dalam Negeri di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, diminta mengulas laporan akhbar yang menyatakan Setiausaha Agung MTUC, Encik G. Rajasekaran dan para pemimpin kongres itu ingin menemui beliau bagi menjelaskan tentang laporan MTUC itu.

Semalam, Rajasekaran berkata, laporan persidangan perwakilan dwi-tahunan MTUC pada 19 dan 20 Dis lepas tidak pernah dihantar kepada ICFTU, badan antarabangsa yang MTUC menjadi anggota gabungannya, tetapi cuma diedarkan di negara ini. -- Lagi

▼29/04/20-19MST

CNS2579

U GB 29-04 00155 BH238

bah

Mahathir - MTUC 2 Kuala Lumpur

Isnin lepas, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek berkata bahawa bekas Setiausaha Agung MTUC, Encik V. David, telah menghantar laporan itu yang mengkritik kerajaan kerana kononnya ia ihak kepada sebuah kesatuan sekerja serpihan dan menganjurkan sambutan Hari Pekerja berasingan tahun lepas.

Sambil menyatakan kesediaannya menemui para pemimpin MTUC, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu pertemuan itu menjadi peluang untuk MTUC hanya memberi penjelasan mereka tetapi enggan mendengar penjelasan kerajaan.

"Saya bersedia menemui mereka kerana saya tidak ada kepentingan diri. Saya cuma utamakan kepentingan negara sahaja," katanya.

Ketika ditanya bila pertemuan itu akan diadakan, Dr Mahathir berkata : "Saya belum lagi terima surat mereka. Saya hanya boleh tetapkan tarikh pertemuan selepas menerima surat mereka."

Mengenai hasrat tiga kerabat diraja Kelantan membuat tuntutan terhadap takhta Sultan Kelantan, Dr Mahathir berkata, kerajaan hanya berpegang kepada kesahihan. -- Lagi

▼29/04/20-28MST

CNS2580

U GB 29-04 00109 BH239

bah

Mahathir - MTUC 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Siapa yang berhak patut diberi pertimbangan," katanya.

Kerabat diraja Kelantan yang berkata mereka berhak menuntut takhta itu ialah Tengku Ibrahim Petra Tengku Indera Petra, Tengku Iskandar Tengku Ahmad dan Tengku Marzli Tengku Ibrahim.

Ketika ditanya sama ada Barisan Nasional sudah membuat keputusan berhubung cadangan menyingkirkan USNO, beliau berkata, setakat ini majoriti anggota komponen BN menyokong cadangan itu.

Bagaimanapun, katanya, keputusan muktamad belum diketahui kerana beliau belum berpeluang bertanyakan perkembangan terbaru berhubung perkara itu kepada Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba yang juga Setiausaha Agung BN.-- Bernama

AH AZG MIB

▼29/04/20-28MST